



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

#### **TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT I  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA  
E.1-2-3 EB.4 (\$515- \$875 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Tamat dan lulus kursus Jabatan Perkhidmatan Elektrik jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal peringkat Pertama dan Kedua atau kursus pendawaian dan pemasangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan adalah keutamaan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memasang dan memelihara talian-talian *overhead* yang mempunyai sehingga 11KV;
2. Memasang dan mengawasi pendawaian dan pemasangan di rumah-rumah dan bangunan-bangunan Kerajaan;
3. Menjadi *Fitter Mekanik* di stesen jana kuasa;
4. Bekerjasama dengan seorang Tradesman Kumpulan I Tingkat Khas dan Tradesman Kumpulan II Tingkat Khas atau bersendirian di bawah pengawasan Mandur; dan.
5. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dan Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.